

**Tajuk:**  
**Penjelasan Al-Quran Tentang `Manusia` Kajian Tatabahasa Arab Dan Pentafsiran  
Terhadap Ayat-Ayat Yang Dipilih**

Assist.Prof Dr. Solehah Hj. Yaacob  
Jabatan Bahasa Arab Dan Kesusasteraan, Kuliyah Ilmu Wahyu Dan Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Baharuddin Hj. Yaacob  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**Pendahuluan**

`Modal Insan` yang agak dilupakan kebelakangan ini telah menjadi satu isu hangat dan sensasi dalam setiap perbincangan forum-forum dan seminar-seminar semenjak ia diperkenalkan dalam RMK9. `Modal Insan` merupakan suatu bentuk modal yang tidak memerlukan kepada pembelian bahan teknologi atau bahan api untuk membangunkan negara. Ianya telah wujud semenjak wujud sebuah negara. Perkataan `Manusia` atau insane di dalam bahasa Arab berasal dari perkataan `Anisa` yang bermaksud yang boleh didekati atau dijadikan kawan, dari perkataan ini lahirlah perkataan `Insaniyyah` dan `Insani` yang memberi makna `Berperikemanusiaan` dan `Kemanusiaan`. Sebagaimana firman Allah<sup>1</sup>

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾ الزاریات 56

Yang bermaksud “Tidak aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembahKu”

Pendapat kedua pula menyatakan perkataan `Manusia` itu berasal dari perkataan `nasia` yang bermaksud lupa. Namun begitu pendapat ini agak lemah, oleh itu ahli bahasa berpendapat pandangan yang pertama itu lebih sahih.

Secara ringkasnya manusia yang disebut di dalam ayat ini mempunyai tugas-tugas tertentu yang perlu dilaksanakan di dalam hidupnya.

Maklum, bahawa kejadian manusia berasal dari tanah, air, api dan angin, jika inilah yang berlaku maka sudah tentu penciptanya amat mengetahui sejauh mana kemampuan `Insan` samada untuk memaksimakan kebolehannya atau mengubati sekiranya ia rosak. Dari sini penulis berpendapat bahawa tidak mesti tidak analisa terhadap ayat-ayat al-Quran mengikut gaya bahasanya iaitu bahasa Arab Fushah adalah amat

---

<sup>1</sup> Az-Zāriyaat 56.

diperlukan. Oleh itu kertas kerja ini cuba menyingkap maksud beberapa ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan `manusia`.

Nilai modal insan ini walaupun tidak pernah tertera dengan jelas dalam laporan untung rugi mana-mana organisasi, ia berperanan besar dalam menentukan prestasi organisasi terbabit. Dalam konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju sesebuah negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya.

### **Peringkat Kejadian Manusia**

Menurut gagasan Islam Hadhari sumber manusia ini akan melalui satu skim program pendidikan menyeluruh yang turut merangkumi aspek kerohanian agar insan yang bakal dihasilkan nanti adalah insan yang berkualiti dan dinamik. Strategi yang diambil kerajaan untuk mencapai kemajuan yang dimulakan dengan daya usaha pembangunan sumber manusia adalah selaras dengan ajaran Islam, kemakmuran dan kesejahteraan negara banyak bergantung kepada penduduknya . Jadi jika setiap orang di negara ini mempunyai kualiti seperti beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia, tentu ia akan memudahkan proses untuk mencapai kejayaan dalam segala bidang kehidupan. Maka jelaslah kepada kita, konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna. Ia bukan saja kepada dirinya, malah masyarakat, agama dan negara dan jika ini diamalkan maka pasti kejayaan akan menjadi kenyataan<sup>2</sup>. Sememangnya inilah yang dijanjikan oleh Allah swt yang bermaksud `Sekiranya penduduk suatu negeri itu beriman dan bertaqwa, nescaya kami akan membuka kepada mereka (pintu-pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi`<sup>3</sup>.

﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا

كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾ الأعراف: 96

Buku `The Developing Human`<sup>4</sup> yang ditulis oleh Professor Keith Moore telah mengakui al-Quran telah menerangkan proses pembentukan dan kejadian manusia dengan begitu lengkap dan tepat sekali.<sup>5</sup> Oleh itu penulis berpendapat kajian tentang pembentukan manusia berdasarkan pemahaman terhadap penggunaan bahasa Arab dan turutan terhadap proses pertubuhan janin perlu dikaji.


---

<sup>2</sup> lihat [www.Ikim.com](http://www.Ikim.com).


<sup>3</sup> Al-‘Araf 96.

<sup>4</sup> Keith L.Moore `The Developing Human: Clinically Oriented Embryology, 4<sup>th</sup> ed. , W.B. saunders Company, 1998.

<sup>5</sup> Ibid, ms 8.



6  
4. gambar A



7  
5. gambar B

Di dalam al-Quran ada menyebut bahawa manusia terbentuk hasil dari pencantuman antara air benih lelaki dan wanita. Beberapa ayat memperkatakan tentang penciptaan manusia dari setitik air mani, dan ada juga ayat yang menyatakan bahawa `makhluk` yang terhasil dari percantuman itu akan hidup selepas 6 hari percantuman antara benih lelaki dan telur wanita. Al-Quran juga menyebut bahawa air mani bertukar menjadi seketul darah beku (Blastocyst<sup>8</sup> yang hidup atau yang keguguran). Darah beku ini lama kelamaan membesar dan bernyawa dikenali sebagai embrio. Embrio yang sedang membesar disifatkan sebagai manusia ketika berumur 40 hingga 42 hari. Ketika itu embrio manusia tidak lagi berbentuk seperti embrio binatang<sup>9</sup> kerana kejadian manusia selepas itu berperingkat-peringkat, sebagaimana firman Allah Taala :

﴿ مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَاراً، وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَرًا ﴾ نوح: 14-13

Mengapa kamu berkeadaan tidak menghargai kebesaran Allah (dan kekuasaanNya), Padahal sesungguhnya Ia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat?”<sup>10</sup>

﴿ يَخْلُقُكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلْقًا مِّن بَعْدِ خَلْقٍ فِي ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ ﴾ الزمر: 6

Ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita . . .”<sup>11</sup>

<sup>6</sup> [www.permaionline.com](http://www.permaionline.com), A.embrio manusia, B.lintah


<sup>7</sup> Ibid, sperma

<sup>8</sup> Darah beku


<sup>9</sup> lihat, permai1.tripod.com

<sup>10</sup> Nuh, 13-14


<sup>11</sup> Az-Zumar, 6




<sup>12</sup>6. gambar c



<sup>13</sup>7. gambar d



<sup>14</sup>8. gambar e



<sup>15</sup>9. gambar i

<sup>12</sup> Ibid, sperma yang telah bercantum antara kromosom y dan x(nukleas) atau zaigot, lihat moore m.s. 30.

<sup>13</sup> Ibid

<sup>14</sup> Ibid, A.embryo yang berusia  $26 \pm 1$  hari, B.kayu atau gum yang dimamah atau dikunyah

<sup>15</sup> Ibid

Di sini al-quran menyatakan bahawa embrio membesar di dalam tiga keadaan atau dinding yang gelap<sup>16</sup>.

﴿يَخْلُقُكُمْ مِنْ بطون أمهاتكم خلقاً من خلق في ظلمات ثلاث، ذلكم الله له الملك ربكم لا إله إلا هو فأنى

تُصَرَّفُونَ﴾ الزمر: 6

﴿من خلق﴾ merupakan masdar bagi يخلق yang ditaqdirkan bertujuan untuk taukid yang mempunyai kaitan dengan ayat sebelumnya yang memberi maksud ﴿من بعد خلق﴾, adalah badal bagi في بطون أمهاتكم dikenali sebagai balal ishtimal. ربكم adalah naat bagi الله, لا إله إلا هو, berada di dalam kedudukan khabar sesudah khabar oleh itu diharuskan ianya berada dalam keadaan musta'nifan<sup>17</sup>. Ayat ini memberi maksud "ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita . . ."<sup>18</sup> (Maksud Al-Quran Surah)

Ini mungkin merujuk kepada 1:dinding perut ibu, 2:dinding `uterine`, dan 3:amniochorionic membrane. Sebagaiman firman Allah Ta'ala<sup>19</sup>:

﴿ولقد خلقنا الإنسان من سلالة من طين ثم جعلناه نطفة في قرار مكين ثم خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة

مضغة فخلقنا المضغة عظاماً فكسونا العظام لحماً ثم أنشأناه خلقاً آخر فتبارك الله أحسن الخالقين﴾ المؤمنون

14 -12

Huruf `الواو`<sup>20</sup> merupakan huruf `ataf yang menyambungkan ayat ini kepada ayat sebelumnya. الفاء di sini bererti ثم bermakna peringkat.<sup>21</sup> `خلق` adalah penggunaan fi'il yang tepat kerana ia menunjukkan kejadian yang telah berlaku atau disebut juga fi'il maḍhi muta'addi. Al-muta'addi bermaksud perkataan transitif yang mempunyai kata nama yang dibuat iaitu `الإنسان` atau maf'ulun bih. Perkataan `الإنسان` di sini diletakkan dalam bentuk kata nama yang dibuat bukan yang membuat. Pembuat atau pencipta `الإنسان` pula digunakan perkataan `نا` iaitu Kami, perlu diingatkan penggunaan Kami di sini bukan bermakna `ramai` tetapi menunjukan sifat kekuatan Penciptanya. Sebelum perkataan `خلقنا` terdapat perkataan `قد` yang

<sup>16</sup> Lihat Moore ms 40,41,45,74,75,76-84

<sup>17</sup> Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, diedit oleh Sheik Ali Muhammad mu'wwid, Dār al-Kutub al-`ilmiah:Beirut, cetakan 1, 1994, m.s.6/6.

<sup>18</sup> Az-Zumar, 6.

<sup>19</sup> Al-Mukminun, 12-14.

<sup>20</sup> Lihat *Tafsir Bahru al-Muhit* oleh Abu Hayan al-Andalusi, Daru al-Kutub al-Ilmiah: Beirut, juzuk 6 ms. 368-369.

<sup>21</sup> Lihat As-Sayūṭi, *Hama' al-Hawāmi' Fī Sharhī Jam'i Jawāmi'* Daru al-Kutub al-Ilmiah: Beirut, juzuk 3, ms. 165.

bermaksud `sesungguhnya`, keadaan ini disebut huruf taukīd kerana kalimah yang datang sesudahnya adalah fi‘il maḍhi yang menunjukkan kepada kesahihan dan kebenaran terhadap kejadian manusia.

### Asal-Usul Kejadian Manusia

Sesudah kita pasti bahawa manusia itu mempunyai Pencipta maka, perlulah dikaji apakah bahan-bahan dan proses-proses yang digunakan untuk mencipta manusia itu, disebut di sini `من سلاله من طين` iaitu daripada pati yang berasal dari tanah, perkataan `من` adalah huruf jār bermaksud dibuat daripada pati tanah, boleh dikatakan من di sini memberi dua makna; pertama, ibtida` yang mempunyai tujuan tertentu, kedua menerangkan jenis<sup>22</sup>. Sekali lagi perkataan fi‘il maḍhi muta‘addi digunakan iaitu `جعلناه` dhomir di sini menunjukkan kembali kepada manusia dan kejadiannya berasal dari سلاله الطين yang pada awalnya digunakan untuk mencipta Adam yang memberi maksud Kami jadikan `pati` itu tadi dari setitis air benih `نطفه` iaitu air mani pada tempat yang tetap dan kukuh `قرار مكن` merupakan tempat yang kukuh iaitu tempat di dalam rahim ibu. Pada ayat yang seterusnya `ثمّ خلقنا النطفة علقه` sebagaimana disebutkan sebelum ini perkataan خلق ta‘dda kepada dua mafūlun bih iaitu نطفة dan علقه<sup>23</sup>. Di sini terdapat unsur-unsur perubahan proses (جعل التصيرية) iaitu dari `النطفة` air mani berubah ke `علقه` iaitu seketul darah. `علقه` di sini ditafsirkan dalam bentuk bacaan baris di atas yang infinit atau disebut hal nakirah yang memberi makna bahawa air mani tadi telah berubah bentuk menjadi keadaan ketulan. Perkataan seterusnya ialah `الفاء` yang bererti jawapan kepada proses pembentukan ketulan itu tadi bertukar menjadi proses yang seterusnya `مضغة` yang bererti ketulan daging, juga digunakan dalam bentuk baris di atas atau hal yang bermakna `berada dalam keadaan itu`. Maka `الفاء` sekali lagi digunakan untuk meneruskan proses yang seterusnya iaitu pembentukan beberapa ketul tulang yang disebut `عظاماً` disebut dalam keadaan jama‘ menurut Zamakhshari tulang manusia itu banyak di sebabkan itulah maka digunakan istilah jama‘<sup>24</sup>, proses yang seterusnya ialah membungkus ketulan tulang tersebut dengan daging `فكسونا العظام لحماً`. Setelah sempurna kejadian itu `أنشأناه خلقاً` Kami bentuknya menjadi `خلقاً آخر` yang disebut sebagai makhluk. Penggunaan fiil tafḍil `أحسن الخالقين`<sup>25</sup>, memberi tiga makna, pertama; بدل من الجلالة, kedua; نعت للجلالة, ketiga; خبر مبتدأ مضمرة iaitu taqdirnya ialah هو أحسن walaupun ini tidak dipersetujui oleh Abu al-Baqā` ini menunjukkan kelebihan dan



<sup>22</sup>Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, m.s. 5/175 – 176.

<sup>23</sup> Ibid, 5/177.

<sup>24</sup> Ibid, 5/177.

<sup>25</sup> Ibid

ketinggian Allah sebaik-baik pencipta<sup>26</sup>. Jelas di sini bahawa setiap penggunaan perkataan dan kedudukan perkataan itu mempunyai maksud yang tersendiri yang memudahkan pemahaman terhadap ayat-ayat itu.



<sup>27</sup> 10. gambar g

<sup>28</sup> 11. gambar h

Mengikut pandangan Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas di dalam bukunya `The nature man and the psychology of human soul`<sup>29</sup> manusia mempunyai dua bahagian yang penting ; jasad dan jiwa dalam erti kata lain fizikal dan ruh bercantum dalam satu badan. Oleh demikian boleh dikatakan bahawa

<sup>26</sup> Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, m.s. 5/175 – 176.

<sup>27</sup> Ibid, 9 minggu, lihat Moore

<sup>28</sup> Ibid

<sup>29</sup> Lihat, *Major Personalities in the Quran*, oleh Ahmad M.Raba, penerbit ASN, 2001, m.s 32.



kejadian manusia itu berbeza ari binatang yang hanya mempunyai jasad dan nafsu dan bukannya ruh atau jiwa.



Di sebabkan kejadian manusia itu unik maka proses kejadiannya adalah berbeza dengan binatang bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala<sup>30</sup>:

﴿ وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَاءٍ مَسْنُونٍ، وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلِ  
مِنْ نَارِ السَّمُومِ، وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ  
حَمَاءٍ مَسْنُونٍ، فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوْحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴾ الحجر 26

29-

31  
13. gambar j

Dan sesungguhnya Kami telah mencipta manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah liat yang kering, yang berasal dari `من صَلْصَالٍ مِنْ حَمَاءٍ مَسْنُونٍ` iaitu tanah kental yang berubah warna dan baunya, apabila dibancuh dengan air dan dibiarkan sehingga menjadi hitam. Kemudian dari tanah hitam itu dibentuk sebuah lembaga manusia yang kosong, lalu dikering sehingga menjadi nyaring bunyinya ketika lembaga itu diketuk dengan sesuatu benda yang lain. Manakala jin pula Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma. Dari sudut bahasa pula *من حَمَاءٍ* memberi makna tanah yang keras disebut juga *الطين المُنْتِنُ*, berada dalam keadaan *جار* merupakan sifat *صَلْصَالٍ*. *والجَانَّ خَلَقْنَاهُ* ditafsirkan bahawa jin itu juga makhluk Allah, ketua segala jin adalah iblis seperti Adam a.s bapa segala manusia. Kemudian Allah berfirman kepada Malaikat *إِنِّي*<sup>32</sup> di sini terdapat penggunaan

<sup>30</sup> Al-Hajar 26-29.

<sup>31</sup> Ibid, 17 minggu ± 1 hari, lihat Moore m.s 93

<sup>32</sup> Lihat, *al-inṣoḥ fī masāila al-khilāf baina an-nahwiyaini al-baṣriyyina wal al-kūfiyyina* oleh al-Anbari, Darul al-Kutub:Beirut, 1/84.



taukid menandakan sesungguhnya aku dan tidak lain adalah pencipta `خالق` - dalam bentuk isim fā'il. Selepas ayat ini disambung dengan `فإذا` menunjukkan proses seterusnya iaitu `سَوَّيْتَهُ` Aku sempurnakannya sebagai manusia, manakala `الهاء` bermaksud `صالح` iaitu tanah liat yang kering. Maka berlakulah proses peniupan roh, digunakan fi'il maḍhi yang diisnadkan kepada dhamir mutaharrik muttasil iaitu تَ pada `نَفَخْتُ` yang bermaksud Aku tiupkan padanya roh dari ciptaanKu, maka sujudlah kamu kepadanya, di sini terdapat penggunaan fi'il al-amr `قَعُوا` waw jama' bermakna malaikat-malaikat memberi makna kesemua malaikat tunduk dan sujud kepada Allah. Firman Allah Taala<sup>33</sup>:

﴿إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّن طِينٍ، فَإِذَا سَوَّيْتَهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ،

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ، إِلَّا إِبْلِيسَ اسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ، قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَن تَسْجُدَ لِمَا

خَلَقْتُ يَدَيَّ اسْتَكْبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالَمِينَ، قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ﴾ ص: 71 - 76

`بَشَرًا` disebut sebagai manusia (Adam a.s), dibaca baris di atas menandakan dalam keadaan mafūlun bih.

`كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ` (بَشَرًا) mempunyai kaitan dengan kejadian manusia (بَشَرًا) disebut sebagai badal kul min kul yang memberi makna kesemua malaikat tuduk kepada Adam(a.s) di sini terdapat dua kata penguat, Zamakhshari berpendapat bahawa kesemua malaikat sujud dalam waktu yang sama. Perkataan `إِلَّا` menunjukkan terdapat unsur-unsur penafian iaitu iblis tidak sujud kepada Adam disebabkan itulah mereka tergolong di kalangan bangsa yang kufur. Mereka mendakwa bahawa bangsa mereka lebih mulia dari Adam (بَشَرًا) kerana dicipta dari api, ayat ini menunjukkan bahawa iblis tidak sujud terhadap Adam a.s sebagaimana disebut dalam surah al-A'raf ayat 12 `أَن لَّا تَسْجُدَ` bacaan yang biasa ialah disebut hamzah istifham, dikenali sebagai istifham taubih, bacaan ini dipersetujui oleh jumhur dan Ibn 'Atiyah. Secara semulajadi manusia merupakan orang yang beriman kepada Allah ini telah dibuktikan melalui firmanNya<sup>34</sup>:

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ، قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا

أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ﴾ الأعراف: 172

`Dan tatkala Tuhanmu mengeluarkan zuriat Adam (turun temurun) dari tulang belakang mereka dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, Sambil Dia bertanya dengan firmanNya: Bukankah

<sup>33</sup> Sod, 71-72.

<sup>34</sup> Al-‘Araf, 172.

Aku tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (engkaulah Tuhan Kami) Kami menjadi saksi, benar(engkaulah Tuhan kami, kami menjadi saksi) supaya kau tidak berkata pada hari kiamat kelak; `Sesungguhnya kami adalah lali(tidak diberi pengingatan tentang hakikat tauhid ini).

Kesimpulannya bahawa al-Quran menegaskan kejadian manusia itu terbahagi kepada dua unsur<sup>35</sup>: unsur jasmani dan unsur rohani. Unsur jasmani diceritakan secara terperinci melalui proses kejadian manusia iaitu Adam (alaihissalam) yang telah menyebut beberapa istilah seperti من الماء<sup>36</sup>, من التراب<sup>37</sup>, من طين<sup>38</sup>, من<sup>39</sup>, سلاله من ماء مهين<sup>40</sup>, من حماء مسنون<sup>41</sup>, الطين اللارب<sup>42</sup>, من الأرض<sup>43</sup>, فإذا سوّيته<sup>44</sup>. Tentang proses kejadian pula al-Quran menceritakannya dengan terperinci iaitu janin dalam perut ibu, zuriat سلاله من ماء مهين, keturunannya dari pati air yang hina, وقد خلقكم أطواراً, mencipta kamu berperingkat-peringkat<sup>45</sup>, menciptakan kamu dalam perut ibu-ibu kamu berperingkat-peringkat dalam keadaan suasana yang gelap<sup>45</sup>

﴿يَخْلُقُكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلْقًا مِّنْ خَلْقٍ فِي ظِلْمَاتٍ ثَلَاثٍ﴾ الزمر: 6

﴿وَيُرَى الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ الَّذِي أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ هُوَ الْحَقُّ وَيَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾ السباء: 6

“Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui (dengan yakin, bahawa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu (mengenai hari kiamat dan lain-lainnya) itulah yang benar serta memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, Lagi Maha Terpuji”<sup>46</sup>. ويرى الذين أوتوا العلم. <sup>47</sup>اليعلم الذين أوتوا العلم عند مجيء الساعة. Zamakhari mentakwilkan ayat ini ialah adalah mafūlun bih pertama dan mafūlun bih kedua, kedua-dua mafūlun ini dipisahkan ayat من ربك هو. Manakala ma‘tūf ke atas mafūlun bih kedua, ini kerana أن yang berserta dengannya disunykikan oleh itu taqdirnya هو الحق والهداية atau ayat ini fāṣil di antara mafūlun bih pertama dan kedua..

## Kepentingan Ilmu Kepada Manusia

<sup>35</sup> Lihat *Manusia Dan Islam*, Dr.Haron Din dan Rakan-Rakan, cetakan pertama, Dorong-UBS Sdn.Bhd, 1985.

<sup>36</sup> al-furqan:54

<sup>37</sup> al-anbiya:30

<sup>38</sup> ar-rahman:14

<sup>39</sup> al-saffat:11

<sup>40</sup> al-hijr:28

<sup>41</sup> ar-rahman:14

<sup>42</sup> an-najm:32

<sup>43</sup> al-hijr:29

<sup>44</sup> al-sajdah:9, al-mukminun:9, az-zumar:6

<sup>45</sup> Az-Zumar:6.

<sup>46</sup> Saba', 6.

<sup>47</sup> Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, m.s. 5/430-431.

Manusia dan ilmu tidak mungkin dapat dipisahkan sekiranya kita ingin membentuk sebuah masyarakat yang berjaya. Oleh itu bagi menghasilkan sumber insan dinamik memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan kerana mereka yang berilmu sahaja tahu untuk memobilisasi sumber pengeluaran yang terhad untuk dimaksimumkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan. Pada hakikatnya orang berilmu lebih takut kepada Allah berbanding orang kurang upaya ilmunya sebagaimana firmanNya: `Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hamba-hambaNya ialah mereka yang berilmu`<sup>48</sup>

﴿وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِّ الْأَنْعَامُ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ، كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ

غَفُورٌ﴾ فاطر: 28

Perkataan مختلف merupakan naat kepada man'ūt yang di hazaf iaitu muftada` bermaksud kejadian Allah Taala itu berbagai-bagai jenis, manakala ألوانه mengikut ahli tafsir memberi makna merah dan putih atau campuran kedua-duanya<sup>49</sup>. ayat ini merupakan 'amil dan ma'mūlnya ialah العلماء yang memberi makna kesemua makhluk ini takut kepada Allah dan melakukan ibadah kepadaNya siang dan malam.

Sebagaimana maklum bahawa perubahan dan kemajuan yang dicapai oleh dunia secara keseluruhannya menyebabkan pakar ekonomis melihat manusia mempunyai kualiti yang lebih. Kualiti ini pula dilihat dari sudut asset. Dengan itu manusia dilihat sebagai suatu jenis modal dan dinamakan sebagai insan, iaitu sebagai suatu `asset tenaga` yang sungguh penting dan beriman dalam kegiatan ekonomi untuk membangunkan sebuah Negara dan bangsa. Oleh itu modal insan perlulah digerudi, dibangunkan dimanfaatkan dan diuji bagi menentukan kemampuannya.

Justeru itu, bidang pendidikan perlulah dilihat sebagai `Jambatan` yang membawa pengetahuan seperti latihan, potensi, minat, kemahiran dan segala kualiti pada manusia. Ini menggambarkan pembangunan modal insan adalah suatu usaha yang paling utama dan asasi. Ia boleh diibaratkan sebagai tapak asas kepada sesuatu binaan, darinya pula boleh dibina kerangka (beam) yang menjalar ke setiap ruang. Kerangka ini seterusnya boleh berfungsi dengan pelbagai kegunaan mengikut apa yang dikehendaki oleh manusia, bagi memenuhi kemaslahatan umat manusia.

---

<sup>48</sup> Faṭīr:28.

<sup>49</sup> Ibid, 5/466.

Modal insan tidak seharusnya memfokus kepada kepentingan sosial sahaja, bahkan ia boleh di pelbagaikan seperti modal insan dalam bidang ekonomi, perdagangan, kewangan, eksekutif, keusahawanan, IT dan seumpamanya. Semua ini hanya menjadikan `modal insan` sesuatu teras yang paling dalam memberi perkhidmatan kepada Negara, sesebuah organisasi atau diri sendiri. Apa yang menjadi asas utama ialah kepentingan sosial terhadap masyarakat sekeliling dengan kata lain keluarga perlu diberi ruang yang secukupnya bagi melengkapi modal insan.

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾ البقرة: 31<sup>50</sup>

`عَلَّمَ` fi'il maḍhi muta'ddī yang kuat ataupun perkataan transitif yang menerima tiga maf'ulun bih iaitu `أَدَمَ`, `الْأَسْمَاءَ` dan كُلَّهَا iaitu Allah(SWT) fā'il dalilnya عَلَّمَ fā'ilnya ḍomir mustatir taqdirnya هو menurut as-syalūbaini fā'il pada perkataan عَلَّمَ adalah Allah<sup>51</sup>. Selepas mengajar Adam maka `عَرَضَهُمْ` fā'il untuk عَرَضَ juga Allah iaitu ḍomir mustatir taqdirnya هو, هُمْ pula maf'ulun bih yang kembali kepada آدَمَ dan الْأَسْمَاءَ. megikut ahli tafsir mempunyai beberapa makna antaranya pertama; merupakan isim 'ajami dari wazan فاعَل, kedua; diambil dari perkataan الأدمة, ketiga; diambil dari perkataan أديم الأرض, keempat; mengikut ṭobari ia berasal dari fi'il رباعي seperti أَكْرَمَ<sup>52</sup>. Perkataan فَقَالَ, fā'ilnya adalah Allah dalam keadaan ḍomir mustatir taqdirnya هو. fi'il amar jama' ditujukan terhadap malaikat yang bermaksud `terangkanlah kepada Ku wahai malaikat` نِي adalah nun wiqayah dalam keadaan maf'ulun bih bermaksud `Aku`. `أَسْمَاءَ` nama-nama yang telah diajarkan kepada Adam ia dibaca baris di atas iaitu ia berada dalam keadaan maf'ulun bih manakala إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ فَأَنْبِئُونِي jawabnya mahzūf iaitu taqdirnya إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ.

﴿إِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ، اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ﴾

ما لم يعلم﴾ العلق: 1-5<sup>53</sup>

fi'il amar yang memberi makna memberi arahan supaya membaca, fā'ilnya adalah ḍomir mustatir taqdirnya انتا iaitu kembali kepada nabi Muhammad Saw. Huruf الباء disini mempunyai tiga pandangan

<sup>50</sup> Al-Baqarah: 31.

<sup>51</sup> Ibid, 1/181-182.

<sup>52</sup> Ibid, 1/181-182.

<sup>53</sup> Al-'Alaq: 1-5.

pertama; الباء menunjukkan keadaan, kedua; الباء menunjukkan keadaan tambah, ketiga; الباء menunjukkan keadaan isti'ānah iaitu bantuan, ditaqdirkan mafūlnya mahzūf taqdirnya <sup>54</sup>اقراء ما يوحى إليك مستعينا باسم ربك yang memberi makna `bacalah apa yang diwahyukan ke atas kamu dengan bantuan Allah Ta'ala`. Sekali lagi disebut bahawa manusia itu dijadikan dari tanah `علق`, kemudian disebut وربك الأكرم الذي علم yang memberi makna Tuhanmu semulia-mulia keadaan yang mengajar kamu dengan kalam(penulisan) terhadap benda-benda yang tidak diketahui oleh kamu. Ayat الذي علم بالقلم disebut selepas kejadian manusia menjelaskan bahawa kejadian manusia dan ilmu pengetahuan merupakan dua benda yang diperlukan untuk membentuk insan yang sempurna. Ayat yang seterusnya menerangkan bahawa kejadian langit dan bumi serta malam dan siang yang silih berganti membuktikan kekuasaan Allah Ta'ala, sebagaimana firmanNya:

﴿ إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولَى الْأَلْبَابِ، الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا

عَذَابِ النَّارِ﴾ آل عمران: 190 – 191<sup>55</sup>

`Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda(kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yan berakal (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi(sambil berkata) `Wahai Tuhan kami, Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka`.

الأرض āṭif الواو muḍhafun ilayh السموات, masdar muḍaf, خلق في huruf jar, taukid lafzi bagi ayat selepasnya `ما خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا` merupakan perkataan yang menidakkan, fi'il maḍhi, merupakan ayat yang menerangkan tentang kebesaran Allah Taala menciptakan langit yang tidak bertiang dan perbezaan malam dan siang silih berganti tepat pada waktunya, supaya menjadi renungan terhadap orang-orang beriman yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. `ما خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا` merupakan perkataan yang menidakkan, fi'il maḍhi, fāilnya ḍhomir mustatīr taqdirnya هو, sekiranya ما digabungkan dengan fi'il maḍhi ia melambangkan ma'ana negetif. `هَذَا` iaitu kejadian langit dan bumi, malam dan siang (خلق) bukanlah sesuatu yang sia-sia

<sup>54</sup> Ibid, 6/546.

<sup>55</sup> Ālī Imrān: 190-191.

(باطلا) perkataan باطلا dibaca baris di atas merupakan hal iaitu tidak mencipta langit dan bumi, malam dan siang itu dalam keadaan yang batil atau sia-sia. `عذاب` merupakan sighah mubalaghah di atas wazan فعال yang menunjukkan azab neraka itu tiada tandingan peritnya, juga dikategorikan sebagai mudaf iaitu bersandar, manakala النار adalah mudaf ilayh bermaksud bersandar kepada عذاب. Firman Allah Ta'ala<sup>56</sup>:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَٰتَ وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا، وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوْهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُوًّا غَفُورًا﴾ النساء: 43<sup>57</sup>

`Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang(mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan Junub(berhadass besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci. Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemuadian kamu tidak mendapat air(untuk mandi atau berwudu` maka hendaklah kamu mengambil atau tanah debu yang suci, untuk disapukan ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun<sup>58</sup>. Perkataan لا تقربوا الصلوات yang dimaksudkan di sini ialah jangan hampiri tempat sembahyang iaitu masjid ketika kamu berada dalam keadaan mabuk. وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ merupakan muftada` dan khabar yang berada di tempat hal yang naṣob bagi fā'il تقربون iaitu أنتم , وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ sebelumnya iaitu أنتم , إلى memberi makna حَتَّىٰ disini memberi makna أن yang dihapuskan, taqdirnya ialah حَتَّىٰ أَنْ تَعْلَمُوا . mengikut ahli-ahli tafsir ia menggambarkan dua keadaan, pertama; maṣūb kerana hal dan 'amilnya ialah fā'il nahi yang memberi maksud لا تقربوا الصلوة في حال الجنابة melainkan sekiranya kamu berada dalam keadaan سفر dan عبور المسجد (melintasi masjid). Manakala تَيَمَّمُوا adalah fā'ilnya diwakili oleh orang-orang sakit dan musafir, صَعِيدًا adalah mafūlun bih bagi تَيَمَّمُوا.

﴿وَإِذْ جَاءَهُمُ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ، وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَىٰ أُولَى الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ، مِنْهُمْ وَلَوْ لَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَا تَبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا﴾ النساء: 83

<sup>56</sup> An-Nisa`, 43.

<sup>57</sup> An-Nisa`:83.

<sup>58</sup> Tafsir pimpinan ar-Rahman ms 195

`Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada ūli al-amrī (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihNya kepada kamu, tentulah kamu menurut syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).<sup>59</sup> Perkataan إذا عوا به, boleh dikatakan قليلا di sini mempunyai sepuluh pandangan tapi penulis hanya mengambil dua pandangan yang dirasakan agak penting iaitu pertama; fā'il mustasna bagi إذا عوا dan kedua; fā'il mustasna bagi يستنبطونه.

﴿جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيَامًا لِلنَّاسِ وَالشَّهْرَ الْحَرَامَ وَالْهَدْيَ وَالْقِلَادَ ذَلِكَ لَتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾ المائدة: 97<sup>60</sup>

`Allah menjadikan Kaabah rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan soal-soal hidup), demikian juga bulan-bulan yang mulia, dan binatang-binatang yang korban dan kalong-kalong binatang korban itu. Yang demikian itu supaya kamu ketahui bahawa sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.<sup>61</sup> جعل dari sudut bahasa bermakna صير yang mana mafūlun bihi nya ialah كعبة dan قِيَامًا ataupun memberi maksud بَيِّن atau حكم.<sup>62</sup> الشهر الحرام والهدى والقلائد merupakan 'atof ke atas ka'bah, لتعلموا manṣūb dengan idmār إن selepas كي.<sup>63</sup>

﴿قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِنْ أَتَّبَعُ إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ﴾ الأنعام: 50<sup>64</sup>

`Katakanlah (wahai Muhammad): `Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepada ku`. Bertanyalah (kepada mereka): `Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah

<sup>59</sup>Ibid, m.s 208.

<sup>60</sup> Al-Mā'dah:97.

<sup>61</sup>Ibid, m.s 277-278.

<sup>62</sup>Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, m.s. 6/614.

<sup>63</sup> Ibid, 6/614.

<sup>64</sup> Al-An'ām:50.



kamu mahu berfikir?<sup>65</sup> As-Shāhid di sini ialah أعلم الغيب dalam kaedah bahasa terdapat dua maksud pertama; dalam keadaan nasob yang ‘aṭof ke atas firma Allah عزرائل الله merupakan جملة المقول seolah-olah Allah berfirman: لا أقول لكم هذا القول، ولا هذا القول yang bermaksud ‘Aku tidak berkata kepada kamu perkataan itu dan juga perkataan ini, pendapat ini tidak dipersetujui oleh Zamakhshari seolah-olah taqdirnya; ولا أقول، kenyataan seperti tidak benar terhadap sifat Allah yang maha berkuasa. Untuk melahirkan insan kamil kebolehan menguasai ilmu pengetahuan adalah satu kemestian sebagaimana firman Allah:

﴿عَلَّمَ الْقُرْآنَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ﴾ الرحمن: 2-4<sup>66</sup>

Asas yang paling penting ialah membangunkan modal insan yang mementingkan keperibadian iaitu yang mempunyai ciri-ciri pembangunan insan seperti amanah, jujur, berani dan sebagaimana yang telah disebut menjadikan modal insan yang dibina adalah mereka yang bukan hanya mahir ataupun professional, tetapi juga beramanah, bertanggungjawab dan sebagainya. Pasti amanah dan tanggungjawab ini bukan sekadar diperingkat organisasi malah untuk manusia seluruhnya tanpa mengira bangsa atau warna kulit, agama atau kepercayaan ataupun ketamadunan. Sebagaimana firman Allah خلق وعلم القرآن dan خلق الإنسان terdapat sesuatu yang menarik di sini kenapa Allah mendahulukan perkataan علم atau konsep menuntut ilmu dari perkataan خلق yang bermaksud menjadikan atau kejadian manusia. Ini kerana penguasaan ilmu pengetahuan itulah yang menyebabkan wujudnya manusia, dengan kata mudah manusia yang tidak mempunyai ilmu adalah bukan manusia atau insan. Oleh itu, untuk melahirkan modal insan yang berkualiti perlulah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.

﴿كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ

تَكُونُوا تَعْلَمُونَ﴾ البقرة: 151<sup>67</sup>

(Ni‘mat berkiblatkan ka‘abah yang Kami berikan kepada kamu itu) samalah seperti (ni‘mat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan ma‘ṣiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan kitab al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui<sup>68</sup>.

<sup>65</sup>Tafsir pimpinan ar-Rahman ms 300-301.

<sup>66</sup> Ar-Rahmān:2-4.

<sup>67</sup> Al-Baqarah:151.

<sup>68</sup>Tafsir pimpinan ar-Rahman m.s 121.

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ﴾ البقرة: 155<sup>69</sup>

`Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar<sup>70</sup>. Terdapat kata-kata sumpah di sini tapi telah diihazafkan, di mana jawabnya adalah fi' il muḍari' yang وليبلونكم atau مستقبلاً iaitu persandaran, الإلصاق iaitu persandaran, الباء di sini memberi makna berada di dalam keadaan jār merupakan sifat بشيء di mana khabarnya dimahzufkan. Terdapat beberapa pendapat tentang من الأموال, pendapat pertama; mempunyai kaitan dengan perkataan selepasnya iaitu نقص, pendapat kedua; berada dalam keadaan jār kerana ia sifat dan pendapat ketiga; sifat bagi mafūl yang mahzuf.<sup>71</sup>

﴿الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا أَمْنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقْنَا عَذَابَ النَّارِ، الصَّابِرِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَانِتِينَ وَالْمُنَافِقِينَ﴾

والمستغفرين بالأسحار﴾ آل عمران: 16 – 17<sup>72</sup>

`(Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata; `Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka, dan juga orang-orang yang sabar dalam menjunjung perintah Allah, dan orang-orang yang benar perkataan dan hatinya, dan orang-orang yang sentiasa ta'at akan perintah Allah, dan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, dan orang-orang yang beristighfar memohon ampun pada waktu sahur. menurut ahli tafsir bahasa الذين يقولون mempunyai empat keadaan, pertama; rafa' apabila ia adalah muḥtada' yang mahzuf khabar, kedua; sebagai khabar yang mahzuf muḥtada'nya, ketiga; naṣob apabila diniatkan أعني atau أمدح dan keempat; dalam keadaan naat atau badal, yang dikatakan naat apabila man'ūtnya ialah للذين اتقوا أو بدلا منه adapun Abu al-Baqā' menaatkannya kepada للعباد bertujuan untuk mentakhsiskan ilmu Allah Taala. Manakala سحر di sini memberi makna banyak atau jama' ia merupakan waktu sebelum subuh<sup>73</sup>.

﴿وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرْكُوهَا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا﴾ النساء: 74<sup>74</sup>

<sup>69</sup> Al-Baqarah:155.

<sup>70</sup> Ibid, m.s. 60.

<sup>71</sup> Lihat al-Halabi, *Dār al-Muṣowwan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, m.s. 1/412.

<sup>72</sup> Ālī Imrān:16-17.

<sup>73</sup> Ibid, 39/2.

<sup>74</sup> An-Nisa':9.

“Dan hendaklah takut kepada Allah untuk melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh orang-orang yang menjadi penjaganya, yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang ḍa‘if(yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.<sup>75</sup> Terdapat dua bacaan bagi huruf lam pertama; sukun lam لو , ترکوا , kedua; kasrah lam وليحش من خلفهم , merupakan zorof zaman yang mempunyai kaitan dengan ترکوا , menunjukkan huruf sharṭiah yang mempunyai makna seperti إِنَّ menandakan terdapat unsur-unsur perbandingan yang memberi makna sekiranya kamu meninggalkan di belakang kamu generasi lemah ditakuti akan melemahkan akan melemahkan agama dan pengangan terhadap prinsip hidup dan negara. Firman Allah:

﴿ لَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطُنٌ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَالِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ، وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّى يَبْلُغَ أَشُدَّهُ، وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ، لَا نَكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَالِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ، ذَالِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾ الأنعام: 151-153<sup>76</sup>

“Katakanlah; Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan Allah dengan sesuatu pun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan(zina) yang terang dan yang tersembunyi ; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah(membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak(yang dibenarkan oleh syara’). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya”.<sup>77</sup> ما ظهر منها وما بطن dari sudut bahasa merupakan badal ishtimal taqdirnya seperti berikut; لا تقربوا ظاهرها وباطنها , adapun إلا بالحق naṣoḇ di sebabkan kedudukannya di tempat hal terhadap fā‘il تقتلوا taqdirnya; لا تقتلوا إلا متلبيين بالحق , atau pembunuhan menjadi hak dalam bab qišoṣ , riddah atau zina dengan mengikut syarat.

<sup>75</sup>Tafsir pimpinan ar-Rahman m.s 181.

<sup>76</sup> Al-An‘ām:151-153.

<sup>77</sup> Ibid, m.s. 332-333.

## Penutup

Kejadian manusia yang diciptakan oleh Allah Taala mempunyai dua unsur utama iaitu; unsur rohani dan unsur jasmani. Pembentukan ini bermula semenjak di dalam kandungan ibu, di mana proses yang berperingkat telah diterangkan begitu terperinci di dalam al-Quran sehingga ianya menjadi rujukan oleh sarjana-sarjana barat. Bukan itu saja, malah pemilihan perkataan-perkataan itu adalah tepat dan bersesuaian seperti *علقة*, *مضغة* dan sebagainya. Ayat-Ayat al-Quran yang digunakan kebanyakan menggunakan kaedah nahwu Arab fushah bukan 'amiah, kekerapan terhadap penggunaan fi'il ma'di membuktikan kejadian-kejadian tersebut pernah berlaku sebelum ini dan penggunaan taukid diguna pakai bertujuan untuk menguatkan sistem rangkaian ayat-ayat tersebut seperti *قد*, *إن* dan sebagainya. Selain itu al-Quran melihat kejadian ini tidak akan sempurna sekiranya tidak dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan maklumat tertentu. Kerana untuk melahirkan insan kamil memerlukan kekuatan emosi dan spiritual yang membolehkan manusia itu mampu membezakan yang baik dan buruk. Bagi memastikan ilmu pengetahuan dan kemahiran diajar perlulah digabungkan aspek kepertanggungjawaban dan keamanan bagi melahirkan umat yang seimbang (*أمة وسط*) begitu juga setiap insan perlu bergabung dan bekerjasama bukan saja demi pembangunan material tetapi juga kemanusiaan dan kerohanian. Justeru itu aplikasi sebegini akan melahirkan insan yang perihatin terhadap pembangunan masyarakat samada dari sudut rohani dan jasmani.

## Rujukkan:

### Al-Quran

Al-Baqarah, 31,151,155

Ālī Imrān 16-17, 190-191

An-Nisa` 9, 83

Al-Mā`dah, 97

Al-An`ām, 50, 151-153

Al-`Araf , 96, 172

Al-Hijr, 26-29

Al-Anbiya, 30

Al-Mukminun, 9, 12-14

Al-Furqan, 54

Al-Sajdah, 9

Saba', 6

Faṭīr, 28

Ṣod, 71-72

Al-Saffat, 11

Az-Zumar, 6

Az-Zāriyat, 57

An-Najm, 32

Ar-Rahman, 2-4, 14

Nuh, 13-14

Al-‘Alaq, 1-5

### Umum

Abu Hayan al-Andalusi, *Tafsir Bahru al-Muhit* oleh, Darul al-Kutub al-Ilmiyah: Beirut, juzuk 6, 2001.

Ahmad M.Raba, *Major Personalities in the Quran*, penerbit ASN, 2001

Al-Anbari, *Al-inṣof fī masāila al-khilāf baina an-nahwiyyini al-baṣriyyina wal al-kūfiyyīna*, Darul al-Kutub:Beirut, juzuk 1, 1998.

Al-Halabi, *Dār al-Muṣowan Fī Ūlūm al-Kitāb al-Maknūn*, diedit oleh Sheik Ali Muhammad mu'wwid, Dār al-Kutub al-‘ilmiyah: Beirut, cetakan 1, 1994,

As-Sayūṭi, *Hama' al-Hawāmi' Fī Sharhī Jam'i Jawāmi'* Darul al-Kutub al-Ilmiyah: Beirut, juzuk 3, 1998.

Haron Din dan Rakan-Rakan, *Manusia Dan Islam*, cetakan pertama, Dorong-UBS Sdn.Bhd, 1985.

Jabatan Agama Islam Malaysia(JAKIM), *Tafsir pimpinan ar-Rahman*, terjemah dan ulasan oleh Sheikh Abdullah Basmeih, disemak oleh Datuk Hj. Muhammad Noor Hj.Ibrahim, Darul Fikir: Kuala Lumpur, 1992.

Keith L.Moore `The Developing Human: Clinically Oriented Embryology, 4<sup>th</sup> ed., W.B.saunders Company: Canada, 1988.

www.Ikim.com

[www.permaionline.com](http://www.permaionline.com)

Dr.Solehah Hj.Yaacob  
Assist.Prof. in Dept.of Arabic Language and Literature  
International Islamic University Malaysia  
Email: [niknajah@iiu.edu.my](mailto:niknajah@iiu.edu.my) or [drsolehah\\_yaacob@yahoo.com](mailto:drsolehah_yaacob@yahoo.com)  
Hp:016-2640714  
Office: 0361965114